



SUARA MAHASISWA di SENAT UNIVERSITI



16 Jun 2019 – Naib Canselor Universiti Teknologi MARA, Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim telah mengumumkan dua pelajar dilantik untuk menyertai keahlian Senat Universiti. Keterlibatan pelajar dalam Senat Universiti adalah selaras dengan hasrat dan galakan YB Menteri Pendidikan Malaysia dalam usaha memperkasa student empowerment serta keterangkuman dan pengupayaan pelajar dalam proses pengurusan universiti.

Kedua-dua pelajar itu ialah Nurul Fatiha Norsip, Bendahari Kehormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Shah Alam dan Muhamad Afiq Hariz Khatem, Penolong Naib Yang Dipertua Jabatan Perhubungan & Pengantarabangsaan MPP UiTM. Dalam sidang akhbar Naib Canselor memaklumkan bahawa pelantikan tersebut adalah berdasarkan Seksyen 16A(5) Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) untuk melantik (Co-Opt) dua (2) orang pelajar sebagai Ahli Senat Universiti.

Lantikan ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2019 sehingga tarikh terakhir mereka memegang jawatan sebagai MPP. Mereka juga tertakluk kepada perundangan mengenai kerahsiaan dan penyebaran maklumat senat. Pelantikan ini adalah untuk mewujudkan dasar UiTM yang lebih mesra kepada aspek menjaga kepentingan pelajar secara menyeluruh.



Sidang REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipuddin

Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)

Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud

Shamsul Hidayat Omar

Shazana Shabuddin

Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

